

# Anak sedih ibu curang

## KAUNSELING REMAJA

**Prof Madya Datin  
Dr Sapora Sipon**  
rencana@hmetro.com.my

**?** Saya pelajar sekolah menengah dan bakal menduduki peperiksaan besar tahun ini. Masalah saya ialah berkenaan ibu.

Dia berlaku curang dengan seorang lelaki yang juga suami orang. Ibu mengenalinya di laman sosial.

Pada mulanya, kecurangan ibu tidak diketahui, tapi saya terbaca

catatan mereka yang berbau lucu dan sangat memuakan.

Sikap ibu juga semakin berubah kerana sudah mula keluar malam sejak akhir-akhir ini dan bersikap seperti gadis remaja semula.

Saya sangat tertekan dengan keadaan ini namun saya tidak mahu berkongsi dengan keluarga. Saya pendam segala masalah ini seorang diri.

Pada masa sama, saya kasihankan ayah yang bekerja bertungkus-lumus

untuk keluarga kami. Malangnya ibu buat perangnya. Saya sangat tertekan dan ini mengganggu fokus saya dalam pelajaran.

Saya tidak mahu keluar-ga terus porak peranda dengan sikap curang ibu. Saya terlalu sedih.

### PELAJAR RUNSING, Pulau Pinang

**!** Dr memahami perasaan yang adik alami. Memang bukan mudah bagi seorang anak apabila mengetahui ibunya mempunyai

hubungan sulit dengan suami orang.

Hubungan anak dengan ibu menjadikan adik lebih tertekan kerana adik masih mahu pola keluarga yang sedia ada berkekalan. Maksudnya, adik masih lagi mahu melihat hubungan ayah dan ibu berjalan baik. Adik juga tidak mahu pihak lain masuk dalam ruang lingkup keluarga sedia ada.

Masalah rumah tangga ibu bapa sering kali di luar kawalan anak. Namun, sebagai seorang anak, pera-

saan tertekan akan wujud apabila mengetahui kehidupan ibu bapanya tidak harmoni.

Masalah yang dialami menyebabkan adik begitu tertekan sehingga mengganggu fokus di sekolah.

Carilah pihak yang adik percaya untuk bercerita mengenai masalah dan perasaan adik. Memendam perasaan bukanlah satu cara baik untuk adik menyelesaikan masalah.

Dr faham bukanlah mudah bagi seorang anak untuk berbincang dengan

ibu mengenai masalah yang membabitkan urusan rumah tangganya.

Justeru, adik memerlukan seseorang yang dipercayai ibu untuk berbincang dengannya mengenai hubungan sulit dengan suami orang.

Jika adik ingin berbincang dengan ibu, pastikan ia dilakukan dengan berhemah kerana Dr tidak mahu perbincangan adik dengan ibu membawa kepada satu keputusan yang akan dikesali semua pihak kelak.

## Tunang berang apabila ditegur

**?** Saya ingin menyuarakan masalah mengenai percintaan saya dengan tunang. Kami baru kenal dalam masa beberapa bulan dan terus mengikat tali pertunangan. Hati sudah menyukai tanpa rasa kesal.

Saya tidak mahu membabitkan soal kenal atau tidak kerana saya hanya berpegang jodoh rahsia Allah. Tapi apakan daya, dalam hubungan kami sudah ada keretakan yang serius. Ia berpunca daripada saya.

Saya yang bersalah tidak mempercayainya sampaikan mahu kenal siapa kawan-kawan lelakinya. Saya seorang yang mengambil berat. Saya terlalu menyayangi tunang dan mahu menjaganya.

Punca masalah bermula apabila saya selalu menasihatinya. Tunang saya seorang yang keras hati dan panas baran. Apabila saya memarahinya mengenai adab atau perlakuan, pasti dia menengking. Saya selalu menekankan soal agama padanya apabila berhadapan dengan orang ramai.

Saya kesal, sepatutnya biarlah masa yang akan mengubahnya kerana saya selalu menekankan soal adab. Memang dia berpakaian seksi tapi saya selalu menegur. Apabila sampai satu tahap, dia mula berang.

Saya memarahi dengan menengking tunang. Dia kecewa dan terus

menyembunyikan diri daripada saya.

Pada masa yang sama, dia juga tidak suka masalah peribadi diketahui orang lain termasuk keluarga dan rakannya. Saya mencari dengan bantuan kawan-kawannya melalui sistem pesanan ringkas atau panggilan telefon.

Kini tunang sudah berasa tawar hati. Saya buntu kerana rancangan perkahwinan kami akan berlangsung tidak lama lagi.

Saya ingin bersemuka dengannya untuk meminta maaf namun tunang langsung tidak mahu beralah. Sehingga sekarang dia masih tidak mahu berjumpa saya lagi.

Apabila saya mendesak untuk berjumpa dengan-tunang, dia menjadi lebih tertekan dan cuba untuk memutuskan tali pertunangan.

Dr, saya ingin mempertahankan cinta saya terhadapnya. Bagaimanakah harus saya lakukan. Sudah sebulan kami tidak berjumpa. Saya amat menyayanginya. Saya ingin bertanggungjawab atas perlakuan saya terhadapnya. Apa yang harus saya lakukan?

### INSAN KELUH KESAH, Johor

**!** Konflik wujud apabila dua insan berbeza dari pelbagai aspek. Ternyata personaliti adik dan tu-

ang berbeza sehingga ia menjarakkan perhubungan cinta anda berdua.

Masa perkenalan yang singkat memberi tidak banyak ruang untuk adik memahami sedalam-dalamnya sikap dan personaliti tunang. Ia juga membuka ruang kosong kepada konflik.

Soal jodoh memang rahsia Allah. Namun, manusia diminta berusaha untuk mencari jodoh terbaik bagi dirinya. Kata pepatah 'setiap orang berhak untuk berencana tetapi tidak pernah mempunyai kekuatan untuk menentukan hasil daripada sebuah rencana' ada kebenarannya dalam konteks masalah adik.

Sikap adik yang terlalu menyayangi tunang boleh membawa kepada sikap terlalu melindungi dirinya. Ini juga membawa kepada sikap tidak mempercayai dan sering memberi nasihat kepada tunang.

Apabila tunang merasakan dirinya terlalu dilindungi tanpa kerelaan hati, akan wujud keretakan.

Sifat keras hati seseorang boleh dilembutkan melalui bicara dan sifat lemah-lembut. Jika teguran dilakukan secara baik, secara psikologinya, kemungkinan teguran itu diterima adalah tinggi. Pepatah ada mengatakan 'besi yang keras boleh dilembutkan dengan kata-kata'.

Rasa marah juga boleh dikekang dengan latihan,



kelembutan dan kesungguhan yang tinggi. Imam Al Ghazali mengatakan manusia tidak akan sanggup mengekang amarah dan hawa nafsu secara keseluruhan hingga meninggalkan bekas apapun dalam dirinya.

Namun, jika manusia cuba untuk mengendalikan kedua-duanya dengan cara latihan dan kesungguhan yang kuat, ia tentu akan berjaya.

Hubungan adik berdua ibarat roda. Ia bermula dengan satu teguran berniat baik adik terhadap tunang.

Namun, teguran ini mewujudkan perasaan tidak senang hati tunang. Seterusnya tunang mem-

beri reaksi balas negatif sehingga perasaan saling menyakiti berlaku. Perhubungan semakin tegang dan kesannya tunang berasa kecewa dan menyembunyikan diri daripada adik.

Sikap individu berbeza antara satu sama lain. Contohnya, ada yang suka rahsia dirinya diketahui dan juga sebaliknya. Kekasih adik tidak suka masalah peribadi diketahui orang lain termasuk keluarga dan rakannya.

Justeru, apabila masalah peribadinya diketahui, tidak hairan tunang menjadi sangat marah.

Adik perlu membeiri tunang masa dan ruang untuk dirinya berse-

dia berjumpa dengan adik. Tunjukkan sikap bertanggungjawab adik dengan tidak terlalu memaksa dan bersifat lembut terhadapnya.

Pada waktu sama, tunjukkan bahawa adik memang menyayangi tunang. Banyak cara boleh dilakukan dalam usaha menunjukkan adik masih mencintai tunang.

Jika apa yang adik lakukan untuk memenangkan hati tunang gagal, adik dan tunang perlu berbincang akan arah tuju perhubungan adik berdua.

Hala tuju perhubungan yang diambil seelok-eloknya memberi kegembiraan kepada kedua-dua belah pihak.